

21/04/2001

Pindaan SSB: Cadangan Cuepacs dikaji

Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Jumaat - Kerajaan sedang mengkaji cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berhubung pindaan Sistem Saraan Baru (SSB).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata beliau sudah mengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengkaji cadangan itu dan mengemukakan laporan kepada kerajaan secepat mungkin untuk pertimbangan.

"Ia dalam kajian jawatankuasa khas dalam JPA. Saya sudah mengarahkan mereka membuat kajian secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat rombongan 17 pemimpin Cuepacs di pejabatnya di sini hari ini.

Samsudin turut menerima secara rasmi memorandum itu dan mengadakan perbincangan tertutup dengan rombongan Cuepacs itu yang diketuai Presidennya, N Siva Subramaniam.

Hadir sama ialah Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan, dan dua Timbalan Presiden, Mohd Arif Abu Bakar dan Mohd Ibrahim Abdul Wahab.

Ditanya bilakah jawatankuasa khas JPA itu akan selesai membuat kajian, Samsudin berkata, pelbagai perkara perlu diteliti sebelum kerajaan dapat membuat sebarang keputusan.

"Apa pun yang diputuskan, ia mempunyai pelbagai implikasi kewangan," katanya membayangkan sebarang keputusan kerajaan akan mengambil masa kerana perkara itu perlu dirujuk kepada Menteri Kewangan.

Cuepacs sebelum ini sudah menyerahkan memorandum itu kepada JPA apabila diminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk berbuat demikian pada pertemuan awal bulan lalu.

Cuepacs juga memberi tempoh tiga bulan kepada JPA bagi menyiapkan laporan mengenai pindaan kepada sistem gaji matrik untuk dibentangkan kepada kerajaan.

Antara lain memorandum itu mengandungi cadangan pemansuhan sistem gaji matrik dan digantikan dengan sistem gaji sebaris yang digunakan dalam Sistem Saraan Kerajaan di antara tahun 1972 dan 1992.

Samsudin juga menyifatkan kunjungan pemimpin Cuepacs itu sebagai usaha berterusan bagi memperkukuhkan hubungan baik yang sedia terjalin di antara kerajaan atau majikan dengan kakitangan awam yang diwakili Cuepacs.

Sementara itu, Siva mengulangi pendirian Cuepacs untuk sentiasa bekerjasama dengan kerajaan bagi memantapkan sektor perkhidmatan awam.

Katanya, segala permasalahan yang timbul akan diselesaikan secara perbincangan bersesuaian dengan semangat musyawarah yang diamalkan di negara ini.

"Cuepacs tidak percaya dengan cara lain seperti demonstrasi untuk menunjuk kekuatan. Kekuatan kita adalah dalam perbincangan," katanya.

Mengenai pertemuan tertutup itu, Siva berkata Cuepacs turut membangkitkan soal perumahan kakitangan awam dan meminta kerajaan memastikan setiap kakitangannya memiliki rumah sama ada yang disediakan atau dibeli sendiri.

"Kita hendak semua kakitangan kerajaan mempunyai sebuah rumah. Oleh itu jika berlakunya perpindahan kakitangan kerajaan ke tempat lain, kita merayu supaya tempoh notis yang cukup diberikan," katanya.

Mengenai memorandum itu, Siva berharap kerajaan dapat mempertimbangkan sebaik-baiknya dan melaksanakan cadangan yang dikemukakan itu untuk kepentingan perkhidmatan awam.

Katanya, cadangan Cuepacs bukan semata-mata untuk mendapatkan imbuhan

yang lebih baik untuk kakitangan awam tetapi juga untuk mempertingkatkan mutu kerja mereka.

"Kita cadang sistem gaji sebaris supaya kenaikan pangkat dibuat berdasarkan kebolehan dan kecekapan seseorang kakitangan," katanya sambil menambah sistem gaji lama itu memanfaatkan lebih ramai kakitangan berbanding sistem sekarang.

Siva juga berkata, sistem prestasi kakitangan dan kuasa ketua jabatan dalam menilai kenaikan pangkat kakitangan kerajaan juga harus dikaji semula supaya lebih telus dan adil.

Katanya, ketua jabatan juga wajar dipertanggungjawab untuk memastikan kakitangan yang dinilai sebagai tidak memuaskan mendapat latihan semula bagi mengatasi kelemahan itu.

"Memorandum yang mengandungi cadangan itu sudah diserahkan dan terpulanglah kepada kerajaan untuk mengkaji dan melaksanakan sebarang tindakan yang difikirkan baik," katanya.

(END)